

Tengku Maraziyah
mahu wakili suara
wanita

muka 3

Anwar dedah
lokasi rahsia peti
undi

muka 2

Jambatan Sungai
Delek siap

muka 7



Lebih 36,000 pengundi ragu bakal diseludup ke Selangor

Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Pakatan Rakyat (PR) mendakwa satu langkah agresif sedang diambil untuk membanjiri Selangor dengan lebih 36,000 pengundi ragu dalam beberapa hari lagi bagi merampas Selangor daripada gagasan itu.

Pengarah Pilihan Raya PAS Selangor, Jaafar Shamsuddin mendakwa, mereka akan dibawa masuk secara berperingkat melalui 'charter flights' (penerbangan tempahan khas) daripada Kota Kinabalu bermula 2 Mei sehingga 4 Mei ini.

Langkah itu mampu menguatkan kemampuan Umno-BN merampas kira-kira 11 kerusi DUN yang dimenangi PR Selangor.

Ini kerana kerusi tersebut dimenangi dengan majoriti kurang daripada 3,000 undi.

Sekiranya diagihkan antara 11 kerusi DUN itu, ia mampu memberi pertambahan lebih 3,200 'pengundi percuma' kepada Umno-BN.

Jika Umno-BN mampu mempertahankan 20 kerusi DUN yang sekarang miliknya, kemenangan dalam 11 kerusi DUN milik PR Selangor akan membolehkannya memperoleh majoriti mudah untuk membentuk Kerajaan Negeri.

Umno-BN memenangi 20 daripada 56 kerusi DUN pada pilihan raya 2008. PR Selangor memenangi 36 kerusi, tetapi hilang dua kerusi selepas dua Adun PR Selangor, Badrul Hisham Abdullah dan Datuk Dr Hassan Ali, keluar dari gagasan itu.

TERHARU... Rajjah Omar, 73, peneroka asal Bukit Botak menerima kunci daripada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Projek perumahan itu dimajukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor setelah terbengkalai lebih 25 tahun oleh Kerajaan Umno-BN Selangor dahulu. Rajjah antara lebih 900 peneroka asal yang menanti lebih 25 tahun untuk rumah mereka yang dahulu dijanji tetapi tidak ditepati Umno-BN



Sebagai contoh, pada 28 April, kita memantau di KLIA setelah menerima maklumat penerbangan tempahan khas MH 8601 akan mendarat pada pukul 6 pagi namun penantian sehingga jam 11.30 pagi tidak mendapati sebarang pendaratan

Pengundi ragu yang akan dibawa masuk itu termasuk mereka yang lahir dan bermastautin di luar Selangor tetapi berdaftar sebagai pengundi di Selangor dan pengundi bukan warganegara Malaysia.

"Kita percaya terdapat pihak tertentu yang mengawasi dan mengubah beberapa penerbangan khas itu daripada terus dikesan pihak kita," kata Jaafar pada satu sidang media.

"Sebagai contoh, pada 28 April, kita memantau di KLIA setelah menerima maklumat penerbangan tempahan khas MH 8601 akan mendarat pada pukul 6 pagi namun penantian sehingga jam 11.30 pagi tidak mendapati sebarang pendaratan.

"Pemberi maklumat dalam kemudian memberitahu bahawa jadual penerbangan itu ditunda kepada tarikh lain, iaitu pada 1 Mei nanti," jelas Jaafar.

Dalam pada itu, beliau ber-

kata, pasukan risikan PR akan terus memantau lapangan terbang di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dan Low Cost Carrier Terminal (LCCT) di Sepang, Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia di Sungai Besi serta Lapangan Terbang Subang.

Mereka kini juga sedang dalam pemerhatian untuk mengenal pasti tempat kediaman penumpang-penumpang penerbangan ini.

Anwar dedah lokasi rahsia peti undi disorok

PETALING JAYA - PKR mendedahkan gambar lokasi rahsia Sungai Chua, Kajang, yang didakwa digunakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menyimpan peti undi.

Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menampilkan dokumen dan sampul undi pos yang diperoleh dari lokasi rahsia itu.

“Dengan bukti-bukti ini, Anwar menggesa SPR menjawab mengapa dan untuk apa undi pos rasmi di simpan di tempat yang mencurigakan dan bukan di ibu pejabat SPR.

“Munasabah sangatkah bangunan seburuk ini menjadi tempat simpanan rasmi rahsia SPR sepertimana yang disebut SPR dan begini kedudukannya kawasan perindustrian, Sg Chua, Kajang.”

Gambar tersebut menunjuk-

kan premis yang menjadi tempat menyorokkan undi pos itu adalah sebuah rumah kedai.

Turut dikesan adalah kereta pacuan empat roda yang dipercayai digunakan untuk mengangkut undi pos tersebut.

Minggu lepas, Anwar mendedahkan bagaimana kereta tersebut tidak ke ibu pejabat Putrajaya sebaliknya dilencongkan ke lokasi misteri itu.

“Bagaimana dokumen yang begini rahsia dan penting didapati di sebuah kedai yang tidak didaftar langsung sebagai milik SPR yang kenderaan sepatutnya dibawa ke Putrajaya,”katanya.

Dilaporkan pada 25 April lalu SPR berkata penghantaran logistik seperti peti undi dan peralatan lain adalah bagi memenuhi keperluan pusat pengundian untuk memastikan pelancaran hari pengundian nanti.



Ribuan rakyat hadir mendengar ceramah Anwar di Miri, Sarawak

Bukit Botak: Umno-BN 'curi' kejayaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor

Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kredibiliti Umno-BN Selangor didakwa menjunam lagi apabila cuba me-

mancing undi dengan 'mencuri kredit' kejayaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor.

Terbaru, Pengerusi Umno-BN Datuk Seri Najib Razak cuba

meraih sokongan dengan menawarkan potongan harga rumah Bukit Botak, sebuah projek perumahan yang diabaikan Umno-BN tetapi diselamatkan dan

disiapkan Kerajaan PR Selangor.

Najib yang juga Pengerusi Umno-BN Selangor mendakwa menyelesaikan masalah rumah pangsa kos rendah di bandar Alam Perdana, Ijok, melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Dakwaan ini disanggah Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

“Adalah lucu apabila Najib tiba-tiba ke Alam Perdana dan menabur janji serta memberi maklumat salah, seolah-olah beliau hero. Sedangkan penduduk tempatan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah tersebut.

“Saya tidak menjangka Najib akan merendahkan martabat dan kredibilitinya sebagai seorang Perdana Menteri sementara dan ini juga menunjukkan beliau sanggup melakukan apa sahaja untuk dapatkan Selangor kembali,” ujar Abdul Khalid dalam satu sidang media di sini.

Hakikatnya, Kerajaan Negeri mengambil alih projek yang berkeluasan 1,037 ekar itu daripada SPNB dan membelanjakan sebanyak RM200 juta untuk menyiapkan projek tersebut, membayar pinjaman bank dan menyediakan infrastruktur lain.

Najib juga menjanjikan harga rumah projek Bukit Botak di Selayang akan diturunkan sehingga RM70,000 berbanding RM99,000 yang ditawarkan Kerajaan Negeri sekiranya BN diberi mandat.

Mengulas tawaran tersebut, Abdul Khalid berkata, tawaran itu membuktikan ketidakcekapan dan ketidaktelusan Umno-BN dalam membelanjakan wang pembayar cukai.

“Kenapa pula hendak dibelanjakan lagi wang pembayar cukai kepada perkara atau masalah yang sudah selesai, kalau Najib ada duit lebih gunakanlah untuk menolong projek-projek lain.

“Saya tidak sangka pemikiran Perdana Menteri begitu cetek.

“Lebih baik wang RM20,000 yang ditawarkan seunit itu digunakan untuk menyelesaikan 140 lagi projek perumahan ter-bengkalai lain yang ditinggalkan Umno-BN, yang kini masih lagi Kerajaan Negeri (PR Selangor) berusaha untuk selesaikan.”

Kerajaan Negeri berjaya menyiapkan 1,422 unit rumah di projek Bukit Botak yang ter-bengkalai sejak 1985, yang tidak pernah diselesaikan pentadbiran Umno-BN dahulu.



BERTUAH... Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyerahkan replika kunci pusat tuisyen kepada Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Seri Perantau, Mohamad Md Zin. Di beri nama Anjung Seri Perantau, pusat tuisyen berkenaan disumbangkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dengan kos RM75,000, yang mana ia mampu memuatkan sehingga 250 orang dalam satu masa

Program MES tarik sokongan wanita

SIJANGKANG - Program Me rakyatkan Ekonomi Selangor (MES) berjaya menarik sokongan wanita terhadap Pakatan Rakyat (PR) di Selangor.

Menurut Ketua Wanita PKR Cabang Kuala Langat, Norlilah Abdullah (**gambar**) berkata, perubahan positif itu diperoleh berikutan kejayaan Selangor menjayakan program

MES yang banyak menobatkan wanita.

Tambahnya, lonjakan sokongan makin ketara apabila PR merangka Agenda Wanita Malaysia bagi membela masa depan wanita bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke 13 (PRU-13) ini.

Beliau juga beranggapan kajian dibuat Merdeka Centre

tidak tepat dengan menyatakan sokongan wanita terhadap PR berkurangan.

"Saya menafikan perkara ini. Bagi saya culaan dibuat tidak betul dan tidak menyeluruh. Apa yang dibuat tidak selari dengan maklum-



balas yang kita terima daripada masyarakat yang keseluruhannya menyatakan sokongan kepada PR," katanya.

Norlilah berkata, bermula 2008 hingga kini, rakyat semakin berkeyakinan terhadap PR bagi membentuk kerajaan di

peringkat Persekutuan.

"Saya yakin sokongan wanita bagi Kuala Langat dan seterusnya Selangor akan bertambah berbanding pilihan raya sebelumnya.

"Selangor akan kekal bersama PR dan kita juga akan mengambil alih pentadbiran negara selepas 5 Mei ini," ujarnya yakin.



Tengku Maraziyah, sewaktu program ceramah kelompok di DUN Kuang

Tengku Maraziyah mahu wakili suara wanita

Oleh AFEEQA AFEERA

KUNDANG - Calon PKR DUN Kuang, Tengku Maraziyah Tengku Sulaiman tekad mahu mewakili suara wanita jika berjaya menjadi wakil rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), 5 Mei depan.

Menurutnya, sebahagian besar pengundi di kawasan itu terdiri daripada golongan wanita, justeru adalah menjadi tanggungjawabnya memperjuangkan kaum itu.

"Setakat hari keenam saya berkempen di sekitar DUN Kuang, nampaknya penerimaan masyarakat setempat sangat

positif kerana bagi saya calon wanita itu lebih dekat di hati pengundi.

"Saya juga banyak melawat ke kampung-kampung untuk bertemu pengundi dan amat mengejutkan mereka menyambut baik saya sebagai calon wanita di sini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke pasar malam Kundang bersama Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Tambahnya, isu anak tempatan dan calon muka baru yang sering dibangkitkan sesetengah pihak tidak akan mematahkan semangat beliau memenangi

hati rakyat di DUN itu.

Malah katanya, beliau yakin mampu memberi saingan sengit kepada penyandang DUN BN, Abdul Shukur Idrus.

"Saya bergiat di Parlimen Selangor sejak tahun 2000 lagi dan Kundang adalah tempat 'lepak' saya bersama ahli parti wanita. Orang kampung terima saya dengan ba-ik," katanya lagi.

DUN Kuang bakal menyaksikan pertarungan tiga penjurua antara Tengku Maraziyah (PKR) menentang calon BN yang merupakan penyandang kerusi itu, Abdul Shukur Idrus dan calon Bebas, Zahariman Abd Latip.

Pengundi Melayu terima baik calon PR Sg Pelek

SUNGAI PELEK - Biarpun berbangsa Tionghua, calon Pakatan Rakyat (PR) DUN Sungai Pelek, Lai Nyuk Lan, diterima baik semua pihak terutama masyarakat Melayu yang rata-rata menyatakan sokongan terhadap dirinya.

Malah ada antara penyokong parti lawan turut memberikan respon positif kepadanya yang memberikan harapan untuk PR menawan kerusi DUN itu.

Nyuk Lan berkata, sambutan diberikan rakyat amat memuaskan dan ia jelas tanda perubahan ditunjukkan umum bagi mengubah lanskap politik di negara ini.

Maka itu, katanya, dia yakin peluang memenangi DUN ini adalah cerah bagi pilihan raya kali ini.

"Perbezaan warna kulit bukan halangan. Saya diterima baik semua bangsa termasuk masyarakat Melayu sebagai pengundi majoriti.

"Saya berbesar hati dengan sambutan diberikan dan besar harapan saya agar PR menawan kawasan ini," katanya.

Perbezaan warna kulit bukan halangan. Saya diterima baik semua bangsa termasuk masyarakat Melayu sebagai pengundi majoriti

- LAI NYUK LAN
Calon Pakatan Rakyat (PR)
DUN Sungai Pelek

Nyuk Lan menjelaskan, persaingan empat penjurua bagi DUN tersebut bukan penghalang bagi dirinya, sebaliknya bakal merumitkan laluan pihak lawan.

Katanya, dengan sokongan rakyat kuat kepada PR maka BN dilihat bakal terugat termasuk calon KITA dan Bebas.

"Saya yakin peluang adalah cerah bagi PR, manakala undi bagi BN, KITA dan Bebas akan terpecah kepada tiga.

"Strategi ini tidak memihak kepada pihak lawan," tegasnya.



Lai Nyuk Lan, berkerja keras bersama jentera parti berkempen dari rumah ke rumah di Sg Pelek

4 ALBUM

Selangorkini 30 April - 2 Mei 2013



▲ Ustaz Sallehen Mukhyi, calon bagi N02 Sabak, menziarahi warga tua di Kampung Lubuk Pusing bagi bertanyakan khabar



▲ Program Hi-tea Wanita Apartmen Idaman mendapat sambutan di mana mereka turut berpeluang mendengar ucapan dan penerangan daripada calon N37 Bukit Lanjan, Elizaberth Wong



▲ Walaupun hujan lebat, itu tidak menghalang calon 42 Dr Rani Osman dan petugas, mengedar risalah di Pasar Malam Meru



▲ Calon N28 Seri Kembangan, Ean Yong Hian Wah, sempat menyertai aktiviti senaman awal pagi di Taman Bukit Serdang, bersama calon P102 Serdang, Dr Ong Kian Ming dan bermersa dengan pengunjung di taman itu



▲ Walaupun sibuk dengan kempen PRU-13, Calon Sijangkang Dr Ahmad Yunus Hairi masih sempat meluangkan masa melakukan pemeriksaan kesihatan kepada pengunjung di pasar pagi Taman Perwira



▲ Calon N41, Rodziah Ismail menunjukkan isyarat bagus di hadapan salah sebuah rumah di DUN Batu Tiga, yang secara terang-terangan menunjukkan sokongan kepada Pakatan Rakyat

Kenapa PAS
berkawan
dengan DAP?
W2

95% pengundi Cina
Tanjong Karang
sokong PAS
W3

PM Najib guna RM58 bilion untuk kempen



Mursyidul Am PAS, Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat melancarkan surat rayuan ulamak tersohor dunia, Dr Yusof Qaradawi yang mengajak rakyat Malaysia memberikan kepercayaan kepada Pakatan Rakyat dalam pilihan raya umum kali ini. Beliau melancarkan surat itu bersama Puteri Reformasi, Nurul Izzah Anwar di Lembah Pantai

KUALA LUMPUR: Seorang penganalisa politik terkemuka rantau Asia Tenggara baru-baru ini membuat penganggaran bahawa Perdana Menteri sementara Datuk Seri Najib Razak telah membelanjakan RM58 bilion atau RM4,363 setiap pengundi untuk PRU-13 ini.

Dr Bridget Welsh, seorang Profesor Madya Sains Politik menulis dalam artikelnya di Malaysia berkata, perangkaan tersebut datang daripada analisa beliau dalam 4,000 sumber berita sejak 2009 dan kajian terhadap tiga bajet dan bajet tambahan dari 2010 sehingga 2013.

“Saya secara konservatif menganggar bahawa pentadbiran beliau (Najib) telah membelanjakan RM57.7 bilion bermula dari hari beliau menjadi Perdana Menteri sehingga sebelum parlimen dibubarkan dalam insentif pilihan raya,” tulis Bridget.

Bridget berkata, Najib telah membelanjakan RM46.7 bilion dalam pembangunan sasaran berjanji dan RM11.0 bilion dalam program 1Malaysia.

“Dua komponen terbesar ini adalah bersifat pengagihan sasaran politik dan perbelanjaan 1Malaysia. Langkah-langkah ini berunsur politik, kerana bukan sahaja mereka dicanang dalam bentuk politik, ia juga disebar sebagai sebab-sebab untuk mengundi BN di peti undi nanti,” kata beliau.

Media Thailand siar hasil kajian Anwar lebih popular daripada Najib

KUALA LUMPUR: Berbeza dengan media perdana di Malaysia, laporan berita di Thailand lebih telus apabila menyiarkan hasil kajian berkaitan populariti antara Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Seri Najib Razak.

Seperti yang dilapor Keadilan Daily sebelum ini, kaji selidik Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL) menunjukkan 43 peratus memilih Anwar sebagai Perdana Menteri (PM) berbanding Najib yang hanya

memperoleh 39 peratus.

Berdasarkan kajian tersebut, berita Thailand menyiarkannya dengan tujuan untuk santapan berita rakyat utara Semenanjung termasuk Kedah, Kelantan dan Perlis yang berhampiran sempadan Thai kerana mereka juga mendapat siaran TV Siam.

Di Malaysia, bagaimanapun kajian itu hanya dilapor media alternatif dan portal berita.

“Ironinya, di luar negara, hasil-hasil kajian seperti ini akan menjadi berita utama terutama



BUKTI...
laporan
media
Thailand
berkenan
kajian yang
menunjukkan
Anwar
lebih
popular
untuk
menjadi
Perdana
Menteri

menjelang pilihan raya,” kata Pengarah Komunikasi Keadilan, Nik Nazmi Nik Ahmad mengulas perkara itu.

Menurut calon DUN Seri Setia itu, di Malaysia, terdapat banyak pusat kaji selidik, tetapi apabila hasil kajian tidak menyebelahi Najib, media perdana turut dilarang menyiar-

kannya.

“Kita ada Merdeka Centre dan sebagainya, tetapi hanya apabila kajian menyebelahi Najib dan pimpinan BN, barulah media perdana laporkan. Jika berlaku sebaliknya, jangan haraplah liputan berpihak kepada kita, dan ini menjadi kebiasaan di Malaysia,” kata Nik

Nazmi.

“Bagaimanapun, kita yakin kajian itu petanda kemenangan Pakatan Rakyat (PR) pada 5 Mei nanti.

“Keyakinan ini bukan sahaja berdasarkan peratusan itu, tetapi melalui kempen dan respon yang kita terima semasa bertemu pengundi,” jelasnya.

Kenapa PAS berkawan dengan DAP, tidak Umno

Oleh Penulis Khas

Mungkin ramai yang belum faham kenapa PAS berkawan dengan DAP, tidak dengan Umno. Buat yang belum tahu apa sebabnya boleh merujuk kepada 16 sebab-sebab utama di bawah ini:

- 1** DAP tidak rasuah, Umno rasuah. DAP tiada buat penyelewengan tetapi Umno sudah banyak penyelewengan kuasa dibuat.
- 2** DAP menolak Hudud sebab mereka bukan Islam, tetapi peliknya Umno tolak Hudud sedangkan mereka beragama Islam. Jadi PAS tak mahu kawan dengan orang Islam yang tolak hukum Islam.
- 3** DAP tidak pernah bunuh umat Islam, tetapi umat Islam Memali dibunuh oleh siapa?
- 4** DAP tidak pernah runtuhkan masjid, tetapi banyak surau dan masjid diruntuh atau ditutup oleh kerajaan Umno/BN atas pelbagai alasan.
- 5** DAP tidak pernah hentikan tazkirah dan kuliah agama di masjid dan surau. Tetapi banyak kuliah dan tazkirah dihentikan oleh pihak berkuasa atas alasan tiada tauhiah sedangkan ustaz tersebut lulusan Timur Tengah dan IPTA yang dibina kerajaan sendiri.
- 6** DAP tidak pernah tangkap rakyat tanpa bicara, tetapi kerajaan pimpinan Umno menggunakan ISA dan akta baru sekarang untuk berbuat demikian.
- 7** DAP tidak pernah menggadaikan tanah orang Melayu, tetapi sejak merdeka tanah rezab Melayu berjumlah 3 juta hektar tinggal 1.7 juta hektar sahaja. Ini angkara siapa?
- 8** DAP tidak pernah mempertikaikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi negara tetapi siapa pula yang memperkenalkan PPSMI?
- 9** DAP tidak pernah merampas dan menganiaya negeri orang Melayu dan umat Melayu tetapi kerajaan Umno/BN menafikan royalti minyak kepada Kelantan dan Terengganu.
- 10** DAP setia kepada persefahaman dan persepakatan tetapi Umno lah yang menghalau PAS keluar daripada Barisan Nasional pada tahun 1974 kini Umno gila talak dan kembali rujuk kepada PAS.
- 11** Ketika Umno/BN kuat, PAS dipandang sebelah mata, bila Umno/BN lemah, PAS seringkali diajak bergabung
- 12** Umno BOLEH bergabung dengan MCA, MIC dan lain-lain parti bukan Melayu/ Islam sebanyak 11 parti dalam BN, tetapi PAS bergabung dengan 2 parti pelbagai kaum iaitu PKR dan DAP TAK BOLEH pula?
- 13** PAS bukan parti berasaskan perkauman tetapi Umno adalah perkauman sempit sama seperti MCA dan MIC. PAS menentang dasar berjuang atas perkauman atau Assobiyah.
- 14** PAS menentang kezaliman dan penindasan terhadap rakyat atas dasar apa sekalipun. Banyak sekali contoh kezaliman dan penindasan yang dilakukan oleh kerajaan Umno/BN seperti menafikan royalti, bantuan perkapita kepada negeri PR (diberi tidak sepenuhnya dan dilengah-lengahkan), bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat dihentikan, harga barangan dan perkhidmatan semakin naik dan sebagainya.
- 15** PAS menentang pembaziran yang menjadi amalan kerajaan Umno/BN dengan projek-projek mega yang sebahagian besarnya tidak memberikan manfaat kepada rakyat
- 16** DAP dan PKR menerima dan memeterai perjanjian bahawa Islam tetap menjadi agama Rasmi Malaysia, Sistem Raja Berpelembagaan tetap dipertahankan, Hak Istimewa Melayu iaitu Perkara 152 & 153 dipertahankan, Bahasa Melayu tetap menjadi Bahasa Rasmi Malaysia. Yang sebenarnya masih banyak lagi antara sebab-sebab tetapi 16 nukilan kami di atas adalah penyebab utamanya.

Mat Taib: Hidup Melayu tiada dalam al-Quran

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

TANJONG KARANG - Bekas Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib mengajak pengundi di Tanjong Karang menolak Umno-BN dan memilih PAS sebagai wadah perjuangan yang baru.

Lebih dikenali sebagai Mat Taib, beliau berkata, PAS perjuangannya berlandaskan Islam dan Umno-BN sudah terbukti tidak mampu mentadbir negara.

“Dah sampai masa, saya sendiri dah menyeberang, apatah lagi yang lain-lain, Umno-Umno semua sudahlah, dulu hidup Melayu, hidup Melayu, sekarang takbir, hidup Melayu tak ada dalam Quran, sekarang Allahuakbar,” ujarnya di hadapan lebih 800 penduduk.

Umno-BN sudah tidak berupaya lagi untuk mentadbir negara kerana dibelenggu dengan pelbagai permasalahan yang sehingga kini tiada penyelesaian.

Katanya, ini merupakan pilihan raya terbaik Pakatan Rakyat (PR) untuk menukar kerajaan setelah

lebih 50 tahun Umno-BN memerintah negara ini.

“Tuan-tuan, tak ada siapa dalam dunia ini boleh ‘steady’ aje sampai 60 tahun, dia (Umno-BN) sebenarnya dah tak boleh, tapi buat-buat boleh.

“Bila lama dah memerintah ni, jadi syok memerintah ni, tak mahu lepas, dengan apa cara sekalipun tak mahu lepas,” ujarnya dalam satu siri ceramah di Kampung Sungai Tengi Kanan, Tanjong Karang baru-baru ini.

Sebagai contoh katanya, Australia melaksanakan pertukaran kerajaan selama 10 tahun biarpun prestasi kerajaan adalah pada tahap terbaik.

Tambahnya, PR mempunyai rekod cemerlang mentadbir empat buah negeri termasuk Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Kelantan dan ini diakui oleh Ketua Audit Negara dalam laporannya tahun lalu.

Jelasnya, manifesto PR ingin memansuhkan PTPTN, tol dan penurunan harga minyak boleh dilakukan kerana melaksanakan pentadbiran yang telus.



SOKONG... Mat Taib mengangkat tangan calon DUN Sungai Burong, Mohamad Judi Sarjo dan calon Parlimen Tanjong Karang, Mohamad Rashdi Deraman

Pengundi dinasihati undi awal bagi elak penipuan

KLANG - Penyandang DUN Sri Andalas, Dr Xavier Jayakumar (*gambar*) menasihati pengundi supaya turun mengundi lebih awal pada 5 Mei ini bagi mengatasi masalah penipuan yang didakwa berlaku setiap kali pilihan raya.

Beliau mendakwa, kes penipuan seperti peningkatan jumlah pengundi hantu di sesebuah kawasan tidak mustahil berlaku pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

"Mereka akan cuba tipu pada 5 Mei ini, anda kena keluar mengundi lebih awal. Saya hendak bagi contoh, dulu orang keluar mengundi hanya 75 peratus sahaja, sekarang sudah tentu meningkat lebih 80 peratus.

"Saya harap kali ini jumlah yang keluar mengundi boleh meningkat untuk mengatasi masalah penipuan ini kerana saya percaya kes ini akan naik jika tidak ditangani," katanya di hadapan lebih 3,000 penyokong

Pakatan Rakyat (PR) dalam Ceramah Umum Jelajah Trailer Angkatan Muda Keadilan (AMK) di Taman Sri Muda, di sini.

Selain itu, Xavier turut mengingatkan supaya mengharagai satu 'peluang emas' yang diberikan kepada mereka untuk menukar kerajaan pada PRU-13, selepas 56 tahun di bawah kerajaan sama.



"Sekarang kita ada satu peluang emas di tangan kita. Ini satu-satunya yang kita boleh buat (untuk tukar kerajaan).

"Kita tunggu 56 tahun untuk suasana ini di mana Datuk Seri

Anwar Ibrahim akan jadi Perdana Menteri pertama PR pada 6 Mei ini di Putrajaya. Pastikan PR kekal di Selangor untuk masa depan anak dan cucu kita, ini

kalilah..kita tukar," katanya.

Sementara itu, penyandang Dun Sri Muda yang juga calon PKR kerusi itu, Shuhaimi Shafie yakin bahawa pengundi di kawasan tersebut akan mengundi PR walaupun berdepan dengan cabaran gangguan menjelang hari undi.

"Penduduk Taman Sri muda ada hampir 12,000 pengundi, iaitu satu per tiga daripada 49,000 pengundi di DUN ini," katanya.



Abdullah Sani (kiri) dan calon Sijangkang, Dr Yunus Hairi dan calon Telok Datuk, Loh Chee Heng, menghadiri program masyarakat India di Jenjarom

95% pengundi Cina Tanjong Karang sokong PAS

TANJONG KARANG - Sokongan kaum Tionghua di Tanjong Karang semakin meningkat terhadap calon Parlimen PAS menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) ini.

Pengundi di perkampungan Cina seperti di Kampung Bagan Pasir, Kampung Bagan Baru Sungai Yu, dan Kampung Bagan Tengkorak di sini memberikan sokongan secara terang-terangan terhadap calon PAS, Muhammad Rashdi Deraman.

Menurut Rashdi, hampir 95 peratus pengundi Cina menyatakan sokongan kepadanya ketika sesi berkempen dan ziarah yang dilakukan sejak seminggu lalu.

"Selama hampir seminggu, sokongan kaum Cina antara yang terbaik, hampir 95 peratus bersama dengan kita," katanya yang merupakan Timbalan Yang Dipertua PAS Tanjong Karang.

Beliau berkata, rata-rata pengundi Cina tidak berasa takut lagi untuk menyatakan sokongan terhadap PAS pada PRU-13 akan datang.

Dalam perkembangan sama, bekas Naib Presiden Umno

yang kini bersama PAS, Tan Sri Muhammad Muhd Taib turut memuji pengundi Cina di Tanjong Karang kerana berani melakukan perubahan.

Katanya, kewujudan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) di pekan Tanjong Karang merupakan simbol jelas bukti sokongan masyarakat Cina kepada PAS.

"Bukan sekejap nak buat ini, mentarbiahkan orang bukan Islam sehingga percaya nak pakai baju warna hijau lambang bulan dan bersama-sama di bawah pergerakan Islam, bukan mudah.

"Jadi saya ucap tahniah kepada tuan-tuan di sini," ujarnya dalam siri ceramah di Kampung Sungai Tengi Kanan baru-baru ini.

Katanya, usaha PAS selama lebih 50 tahun kini mula menampakkan kejayaan dengan meningkatnya sokongan daripada kaum lain seperti Cina dan India.

"Kejayaan PAS dan perjuangan Islam sudah sampai ke ambang kejayaannya," katanya yang merupakan mantan Menteri Besar Selangor.

PR selesai masalah secara 'luar biasa'

Oleh HAFIZAN TAIB

BANTING - Sejak lima tahun lalu Pakatan Rakyat (PR) berjaya menyelesaikan pelbagai masalah ditinggalkan BN di Selangor secara 'luar biasa'.

Menurut calon PKR Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani Abdul Hamid kecemerlangan mentadbir Selangor menyebabkan rakyat bertambah yakin untuk memberi sokongan penuh kepada PR.

"Di Kuala Langat masalah besar sudah kita selesaikan. Masalah seperti kubur Cina tak selesai 11 tahun sudah selesai. Masalah sekolah tiada tanah sudah diberi tanah.

"Masalah penduduk setingan sudah diberi geran, begitu

juga masalah tanah diteroka 30 hingga 40 tahun sudah diberi geran. Ini termasuk masalah sampah di Banting berlarutan sembilan tahun juga sudah selesai.

"Apabila bertemu rakyat, majoriti menyatakan sokongan penuh kepada PR," katanya.

Beliau seterusnya berkata, pembangunan di Kuala Langat akan berterusan dengan industri berat bakal ditingkatkan kemajuan demi memberi peluang pekerjaan yang lebih besar kepada masyarakat.

Tambahnya, bidang pertanian dan pelancongan juga mendapat keutamaan di dalam perancangannya bagi meluaskan lagi pasaran

kecemerlangan mentadbir Selangor menyebabkan rakyat bertambah yakin untuk memberi sokongan penuh kepada PR

ABDULLAH SANI
Calon PKR Parlimen Kuala Langat

produk tersebut.

"Kita akan perkasakan pertanian dengan menjadikan Kuala Langat sebagai destinasi produk pertanian yang memberikan manfaat kepada rakyat tempatan. Dengan cara itu pelancongan juga akan ditingkatkan," katanya.



Muhammad Rashdi (kiri) mencuri masa membelek akhbar Selangor Kini sebelum keluar berkempen

Pelbagai skim bantuan, kejayaan pentadbiran Pakatan Rakyat

PULAU PINANG



POLISI KERAJAAN

- Bantuan wang tunai **RM100** setahun untuk golongan OKU, warga emas dan ibu tunggal
- Bantuan pelajar sekolah **RM100** setahun bagi Tahun 1 dan 4 serta Tingkatan 1 dan 4
- Ganjaran 'one-off' **RM1,000** penuntut ke IPT yang pendapatan keluarga kurang **RM4,000** sebulan
- Ibu atau bapa pengundi di Pulau Pinang, bayi mereka layak terima **RM200**



SKIM BANTUAN

- Memperkenal polisi tanpa beg plastik setiap hari
- Meningkatkan bantuan kepada orang Islam melalui MAIPP sehingga **RM64 juta** setahun
- Menjadi negeri paling banyak menerima pelaburan asing **RM 2.3 bilion** pada 2011.

SELANGOR

POLISI KERAJAAN

- Bekalan air bersih percuma sebanyak 20 meter padu, bersamaan caj air **RM11.40** kepada setiap rumah bermeter individu
- Manfaat khairat kematian bernilai **RM 2,500** untuk warga emas atau OKU yang layak
- Anak yang lahir di didaftarkan di bawah TAWAS akan diberi **RM100**. Pada umur 18 tahun, mereka menerima **RM 1,500**



SKIM BANTUAN

- Hadiah **RM1,000** diberi kepada anak Selangor yang melanjutkan pendidikan ke IPT dari keluarga berpendapatan **RM1,500** ke bawah
- Skim Makro Kredit Miskin Bandar membantu perniagaan kecil-kecilan. Pinjaman tanpa faedah **RM5,000**
- Skim Bantuan Asuhan Rakyat, ibu bapa yang layak diberi yuran TASKA **RM100** atau nurseri buat anak-anak berusia 4 tahun ke bawah.

KELANTAN

SKIM BANTUAN

- Skim Takaful Kifalah. Rakyat umur 60 tahun ke atas layak mohon khairat kematian menguruskan pengebumian. Sumbangan **RM1,500**.
- Skim Insurans Nelayan. Lebih 2,000 nelayan layak sertai skim insurans. Beri perlindungan antara **RM50,000** dan **RM100,000**.
- Skim Al-It'am. Beras percuma **10 kg** seorang setiap bulan kepada rakyat termiskin. Memanfaatkan 8,100 penduduk



- Skim Gerbang Az-Ziwaaj membantu anak Kelantan pendapatan di bawah **RM700** sebulan berkahwin. Sumbangan **RM1,000**.
- Skim Manfaat Armalah menyumbang **RM700** hingga **RM1000** setahun kepada ibu tunggal bagi menampung kos sara hidup.
- Skim Ladang Rakyat, kerajaan negeri buka ladang sayur-sayuran. Rakyat miskin pendapatan keluarga kurang **RM530** diberi dividen **RM200** sebulan hasil ladang tersebut.

KEDAH

POLISI KERAJAAN

- Kurangkan kadar kemiskinan kepada 3 peratus, kemiskinan tegar kepada 0.3 peratus dan kadar pengangguran kepada 3.3 peratus pada 2009.
- Hasil balak di bawah BN pada 2007 **RM8 juta**. Dengan polisi tender terbuka, Kedah berjaya mengutip hasil **RM38 juta** (2009) dan **RM53 juta** pada 2010.
- Syarikat Air Darul Aman (SADA) mempertingkatkan infrastruktur bekalan air dengan membina loji rawatan baharu dan berjaya mengurangkan tunggakan bil air kepada **RM29.7 juta** berbanding **RM43 juta** sebelum ini.



- Golongan pendapatan isi rumah di bawah **RM720** layak dapat sumbangan **RM500** dari skim Kafalah Kedah bagi pengebumian jenazah
- Tabung Tunku Mamud ditubuh untuk memberi sumbangan kepada golongan tidak bernasib baik
- Kerajaan negeri peruntukan sebanyak **RM1.5 juta** sumbangan kepada 7,000 guru-guru al Quran sukarela dan bidan kampung.

KUALA LUMPUR - Barangkali inilah hasilnya apabila berkawan dengan Umno terlalu lama. Presiden MCA Datuk Seri Chua Soi Lek yang sudah kehabisan isu mengambil Tun Abdullah Badawi sebagai sasarannya untuk dihina sebelum digunakan untuk menghentam Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Chua pernah dipaksa meletak jawatan sebagai Menteri Kesihatan di bawah pentadbiran Pak Lah ekoran skandal seksnya.

Setelah Pusat Kajian Pilihan Raya dan Demokrasi Universiti Malaysia (UMCEDEL) melaporkan Anwar kini di depan popularitinya berbanding pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, Chua menyerang dengan mempersendakan pendidikan Pak Lah.

Beliau berkata, Pak Lah berkelulusan agama, oleh itu tidak mahir dalam ekonomi.

“Apabila Pak Lah memimpin negara, setiap hari beliau akan bercakap mengenai Islam Hadhari, tetapi tidak pernah tentang ekonomi,” kata Chua.

Presiden MCA serang keislaman Pak Lah



Islam Hadhari berkubur bersama-sama karier politik Pak Lah

Islam Hadhari adalah slogan Pak Lah ketika menjadi Perdana Menteri sebelum ditukarkan kepada 1Malaysia di bawah Najib setelah beliau

diasak bersara oleh pergolakan dalaman Umno.

Chua berkata, Anwar juga berlatarbelakangkan Islam seperti Pak Lah. Chua yang

sebelum ini dikritik kerana menghina Islam di depan awam berkata, cara Najib adalah berlainan.

“Pak Lah adalah sama seperti Anwar (atas), mereka tidak tahu tentang ekonomi, mereka hanya bercakap mengenai doa,” kata Chua yang dipetik Malaysiakini.

Pada tahun 2008, semasa mengumumkan perletakan semua jawatan daripada parti dan kerajaan, hanya beberapa minggu sebelum pilihan raya umum ke 12 (PRU-12) yang menyaksikan MCA tewas hampir di semua kerusi, Chua ketika itu menyatakan bahawa perletakan jawatan beliau adalah di dalam konteks Islam Hadhari.


“Saya bimbang sekiranya saya terus memegang jawa-

tan di dalam kerajaan mahupun parti, ia akan menjadi beban kepada kerajaan dan juga parti, terutamanya dalam konteks Islam Hadhari dan politik sihat yang dicanang presiden parti saya (Datuk Seri Ong Ka Ting),” kata Chua yang merupakan naib presiden MCA ketika itu.

Dalam kajian UMCEDEL terhadap 1,407 responden pengundi berdaftar yang dibuat pusat kajian itu, 43 peratus pengundi memilih Anwar sebagai Perdana Menteri berbanding 39 peratus untuk Najib.

Kajian ini telah dibuat selepas parlimen dibubarkan (3 April) hingga hari penamaan calon 20 April.

Kartun Zunar: Dari buku ke papan iklan besar



TERPAMPANG... idea kartunis Zunar sarat dengan mesej dan sindiran kepada Umno-BN

KUALA LUMPUR - Dari berjuang melalui lukisan di dalam akhbar, laman web dan pameran lukisan, kini lukisan kartun yang dihasilkan oleh kartunis Zunar terpampang di papan-papan besar.

Pelbagai jenis lukisan yang dibuat Zunar atau nama sebenarnya Zulkifli Anwar Ulhaq, kini dipasang di tepi-tepi jalan dan pusat perhimpunan

orang ramai.

Zunar membuat perkara ini bersama dengan rakan-rakannya yang bertungkus-lumus mahu memenangkan perjuangan rakyat dalam pilihan raya umum (PRU) kali ini.

“Saya buat ini untuk rakyat,” kata Zunar dalam satu majlis.

Nama Zunar mula popular melalui majalah kartun Gila-gila. Kemudiannya beliau

menjadi kartunis utama akhbar Berita Harian.

Apabila reformasi meletus 1998, Zunar menyertai Harakah menjadi kartunis dengan akhbar milik PAS itu.

“Sumbangan utama Zunar adalah semasa pilihan raya umum 1999. Ketika itu Zunar bersama redaksi Harakah membuat keluaran khas untuk pilihan raya tersebut,” kata

Zulkifli Sulong Ketua Pengarang Harakah ketika itu.

Ketika itulah Harakah berada di kemuncaknya apabila diedarkan 350,000 naskah setiap keluaran dan kemuncaknya 380,000 naskah menjelang hari mengundi pilihan raya umum 1999.

Hasilnya, dalam pilihan raya itu PAS mendapat dua buah negeri iaitu Kelantan dan

Terengganu di samping dapat menghantar 27 pemimpinnnya ke Parlimen.

Kini Zunar bergerak bersama rakan-rakan kartunis menghasilkan pelbagai jenis kartun untuk pelbagai jenis media.

Beliau pernah membuat kartun pameran solo di London. Tahun lepas, beliau juga membuat pameran solo kartun di Shah Alam.

2,000 mahasiswa berarak ke ibu pejabat Umno

KUALA LUMPUR: Lebih 2,000 mahasiswa dan anak muda dari seluruh Malaysia berarak ke bangunan ibu pejabat Umno di PWTC, Sabtu lepas, bagi menyatakan penolakan anak muda terhadap parti itu khususnya untuk Pilihanraya Umum ke-13 (PRU-13) kali ini.

Perarakan anjuran Gelombang Anak Muda Tolak Umno BN (Tolak) tersebut bermula jam 2.30 petang

dengan himpunan di Dataran Merdeka sebelum bergerak ke bangunan Umno kira-kira 3.15 petang melalui Jalan Putra.

Sepanjang perarakan, mereka yang rata-rata memakai baju hitam sebagai lambang penolakan turut menyanyikan lagu tolak Umno, bersorak dan melambai kepada rakyat yang menyusuri jalan di samping mengedarkan risalah 'Mengapa Anak Muda To-

lak Umno BN'.

Kemuncak perarakan itu, mereka telah menyerahkan kain sepanjang 50 meter mengandungi tandatangan rakyat khususnya anak muda yang menyokong gerakan tolak Umno BN, kepada wakil ibu pejabat parti itu.

Mereka juga turut mengadakan bacaan ikrar janji setia Anak Muda Tolak Umno BN yang dipimpin oleh Ahmad Afif sebagai jurucakap gera-

kan tersebut.

Sebelum ini, Tolak telah menjelajah ke seluruh Malaysia mengadakan kempen besar-besaran bermula pada 15 Mac hingga 15 April lalu.

Kempen tersebut sebagai memberi penjelasan kepada masyarakat mengapa rakyat Malaysia wajib menolak Umno BN.

Tolak turut mendapat sokongan lebih 30 NGO termasuk Bersih.

DAP parti pelbagai kaum, buka peluang kepada Melayu

Sokongan meningkat, PR Perak optimis menang 38 Dun



Salahuddin Ayob berganding dengan Lim Kit Siang mengziarahi seorang penduduk Gelang Patah yang terlantar sakit

GELANG PATAH: Calon Pakatan Rakyat (PR) Parlimen Gelang Patah, Lim Kit Siang berkata, DAP adalah parti sah yang terbuka kepada semua bangsa dan kaum, tetapi pemimpin Umno-BN serta cybertroopers upahan mereka yang masih menyebarkan fitnah tentang DAP.

Katanya, jika DAP bertindak di luar undang-undang atau melanggar Perlembagaan Persekutuan, tentu DAP sudah lama diharamkan.

"Fitnah itu diulang-ulang sehingga ada orang keliru dan tidak sedar bahawa Umno sebenarnya yang menutup pintu kepada orang bukan Melayu menyertainya, MCA pula tidak membenarkan orang bukan Cina dan MIC tidak membuka pintu kepada orang Melayu atau Cina. Jadi BN yang mengamalkan politik berasaskan kaum.

"Namun, saya lega sekarang kerana semakin ramai orang Melayu sedar mengenai fitnah Umno-BN yang di-

siarkan melalui media. Semakin ramai orang Melayu tidak percayakan laporan Utusan Malaysia, TV3, Berita Harian dan lain-lain media yang dikawal ketat Umno-BN," katanya dalam satu kenyataan media, Sabtu lepas.

Kit Siang berkata, malah kini semakin ramai orang Melayu yang hadir ceramah PR, yang melawat laman web parti komponen PR serta portal berita Internet yang lebih adil dan objektif telah sedar bahawa DAP tidak berjuang kerana kaum atau agama.

Menurutnya, DAP berjuang demi rakyat, demokrasi, keadilan sosial, kebebasan dan peluang saksama tanpa mengira kaum atau agama, malah DAP terus berusaha lebih kuat untuk membantu semua rakyat Malaysia, termasuk orang Melayu, India, Kadazan, Dusun, Iban, Bidayuh dan kaum Bumiputera lain.

"Sejak ditubuhkan pada 1966, DAP mempunyai ramai pemimpin dan

calon daripada pelbagai kaum, termasuk Melayu. Malah, DAP meletakkan calon Melayu dalam setiap pilihan raya umum yang ditandinginya sejak 1969.

"Sebanyak enam wakil rakyat Melayu daripada DAP memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri serta Parlimen, termasuk Ibrahim Singgeh dan Ahmad Nor. Berbanding parti komponen BN, jelas bahawa DAP yang paling banyak meletakkan calon Melayu sejak lebih 40 tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, malah, sehingga sebelum Parlimen dibubarkan pada 20 April lalu, DAP adalah satu-satunya parti yang mempunyai wakil rakyat berketurunan India yang terbanyak di kalangan semua parti di Malaysia.

"Kini DAP mempunyai ramai calon Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Inilah bukti DAP parti pelbagai kaum yang berjuang untuk kepentingan semua rakyat Malaysia," katanya.

TAIPING: Pakatan Rakyat Negeri Perak optimis kembali mengambil alih pentadbiran negeri pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) yang akan berlangsung 5 Mei ini, melihat kepada sokongan dan kebangkitan rakyat di negeri itu.

Mantan Menteri Besar Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin (**gambar**) berkata, sehingga kini Pakatan Rakyat negeri itu yakin mampu menang sekurang-kurangnya 38 daripada 59 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun).

"Dengan kerja kuat kita sehingga hari mengundi 5 Mei nanti, Pakatan Rakyat InsyaAllah akan dapat memenangi 38 kerusi Dun, sekaligus akan membentuk kerajaan baru di Perak," tegasnya kepada Harakahdaily.

Nizar yang juga calon PAS bagi Dun Changkat Jering berkata, jika berjaya mendapat jumlah 38 kerusi itu, ianya merupakan satu kemenangan yang selesa berbanding 2008 lalu.

"Kali ini saya berkeyakinan tidak ada yang melompat parti, kita telah perhalusi setiap calon dan mereka telah membuat akujanji tidak akan melompat parti," ujar beliau.

Menurut beliau sambutan rakyat terhadap calon Pakatan Rakyat di seluruh Perak amat memberangsangkan, malah diluar jangkaan.

Beliau tidak menolak kemungkinan sokongan tersebut akibat rasa marah yang berterusan terhadap tindakan BN berhubung isu rampasan kuasa 2009 lalu.

Selain itu, sokongan tersebut juga berikutan penerimaan masyarakat terhadap manifesto Pakatan Rakyat telah dilancarkan baru-baru ini yang antara lain menawarkan 20 meter padu air percuma kepada rakyat negeri itu.





INI KALILAH...

Orang ramai memenuhi Presint 19, Putrajaya menyaksikan Ustaz Azhar Idrus di program bersama calon PAS, Datuk Husam Musa. Gambar kecil: Pelakon Mustafa Kamal disarungkan baju hijau, sebagai simbolik penyertaannya dalam PAS



Putrajaya goyah: Mahathir terpaksa turun ke Putrajaya

PUTRAJAYA: Setelah menyaksikan bagaimana laungan takbir mengegarkan Masjid Besi Putrajaya dan sambutan menggerunkan di Presint 3 terhadap kehadiran Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat, Tun Dr Mahathir Mohamad akhirnya terpaksa turun ke padang untuk me-

nyelamatkan Putrajaya.

Serentak dengan itu juga, Pakatan Rakyat mengadakan program di Presint 19 bersama Ustaz Azhar Idrus.

Turut serta calon PAS Putrajaya Datuk Husam Musa. Pada majlis ini juga pelakon Mustafa Kamal disarungkan

baju hijau menyertai PAS.

Putrajaya yang selama ini digemburkan sebagai kubu paling selamat untuk Barisan Nasional (BN), di mana Timbalan Presiden BN, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yakin bahawa calon PAS Datuk Husam Musa bakal kehilangan deposit, kini goyah.

Sambutan menggerunkan pada setiap program Husam sudah memberikan signal yang cukup jelas bahawa Umno di dalam bahaya di Putrajaya.

Mahathir turun berceramah pukul 8 malam di Bilik Gerakan PDM Metropolitan, Presint 9, Putrajaya.

Sebelum itu sumber Umno memberitahu bahawa Mahathir dan Pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak akan turun ke Putrajaya kerana keadaan di situ kini berpihak kepada Husam.

"Kan semalam saya dah kata, Mahathir akan turun ke Putrajaya. Selepas ini Najib pula. Ini indikator yang saya kata semalam, nyawa Umno-BN tinggal 9 hari sahaja lagi. Ini kalilah," kata beliau kepada Harakah-daily sambil ketawa.

Menjawab persoalan mengapa Umno harus gelabah di Putrajaya sedangkan itu kubu kuat mereka, sumber Umno itu menyatakan kerana mood di ceramah Husam sungguh memberi inspirasi ke arah perubahan.

"Sesiapa saja hadir akan terpukau dan akan tergerak hatinya untuk mengundi PAS dan Pakatan Rakyat (PR) kali ini," katanya lagi.

Sumber Umno itu turut menyatakan bahawa pengerusi BN, Datuk Seri Najib Razak dan Mahathir bakal bertandang ke Putrajaya tidak lama lagi untuk menyelamatkan calon mereka Setiausaha Agung Umno Tengku Adnan Tengku Mansor.

"Muhyiddin dah turun ke Putrajaya dan terus serang Husam. Selepas ini Najib dan Mahathir akan datang menyerang Husam, itulah indikator Putrajaya dah goyang," katanya.

Apa yang dikatakan sumber Umno itu kini menjadi kenyataan dengan bertandanginya Mahathir ke Putrajaya dengan ceramah bertajuk 'Pertahanan Putrajaya.'

"Kubu kuat dah kena pertahan. Itu petanda apa daripada Mahathir? Gelabah," tambah sumber Umno itu lagi.

Hentikan polemik hudud, fokus agenda bersama

KUALA LUMPUR: Semua pemimpin Pakatan Rakyat (PR) diminta tidak menjadikan hudud sebagai isu kerana ia telah diselesaikan sebelum ini.

"Kita telah bersetuju untuk berbeza pendapat, bersetuju untuk tidak bersetuju.

"Oleh itu, ia tidak menjadi isu dan ia bukan dalam agenda bersama dalam Pakatan Rakyat," kata Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali dalam sidang medianya.

Menurut beliau, semua pemimpin PR telah mencapai kata sepakat mengenainya dan akan memberikan tumpuan kepada perkara yang telah menjadi agenda bersama.

"Hudud memang menjadi agenda PAS sebagai sebuah parti Islam kerana ia sebahagian daripada syariat Islam. Tidak ada seorang pun ahli PAS yang beragama Islam boleh menolak perkara ini.

"DAP juga mempunyai agenda mereka sebagai sebuah parti politik. Begitu juga PKR. Isu ini sudah selesai September 2011, kita ada buat kenyataan, kita akui DAP tak setuju dengan hudud, Islam, tetap jadi dasar PAS, DAP hormatinya.

"Yang kita telah bersetuju adalah agenda bersama Pakatan Rakyat yang kita masukkan dalam manifesto bersama. Ini yang sepatutnya menjadi fokus kita dalam pilihan raya ini," kata Mustafa.

Sambutan menggerunkan pada setiap program Husam sudah memberikan signal yang cukup jelas bahawa Umno di dalam bahaya di Putrajaya

Pendedahan Fakta

Sejarah Pembinaan Kampus Bestari Jaya Kos Pembinaan dibayar daripada

Pembaziran [2002-2005]

	RM (JUTA)
801 ekar tanah di Bukit Jalil pada kadar RM1 Juta seekar	801
110 ekar tanah di Sungai Buloh pada kadar RM500 seekar	55
3000 ekar tanah di Batang Berjuntai pada kadar RM80,000 seekar	240
Asrama: Kontrak 20 tahun pada kadar RM900,000 sebulan	216
Kerja lanskap dan pembersihan sekitar kampus:	115
Kontrak 20 tahun pada kadar RM482,000 setahun	10
Rumah Pegawai: Kontrak 20 tahun pada kadar RM43,000 sebulan	150

Jumlah Kos dan Hutang:
*RM1,587 Juta

Tindakan Menyelamat oleh Kerajaan Selangor Semasa

Penjimatan [2009-2013]

	RM (JUTA)
Pengambilalihan 3000 ekar tanah di Batang Berjuntai pada kadar RM80,000 seekar	240
Penilaian semula asrama: Kontrak 20 tahun pada kadar RM900,000 sebulan (50% daripada RM216 juta)	108
Kerja lanskap dan pembersihan sekitar kampus: Kontrak 20 tahun pada kadar RM482,000 sebulan (50% daripada RM115 juta)	58
Rumah Pegawai: Kontrak 20 tahun pada kadar RM43,000 sebulan (50% daripada RM10 juta)	5
Pinjaman Bank (Perwira Affin) bercagarkan kampus Unisel: RM150 juta beserta faedah	212

Jumlah Penjimatan:
*RM623 Juta

PEMBAZIRAN WANG RAKYAT: RM1.3 RIBU JUTA

*Dinilai semula oleh Majlis Daerah pada tahun 2012: RM285 juta

Pencapaian UNISEL

Bilangan Pelajar Berdaftar



Pembangunan Kakitangan Akademik



KAMPUS BESTARI JAYA AKAN TERUS DIPERKASAKAN

Penyokong BN bantu PR di Tanjung Sepat

Mohd Haslin meluangkan masa bersama Kelab Berbasikal Banting sewaktu program turun padang



Oleh HAFIZAN TAIB

TANJUNG SEPAT - Tindakan penyokong BN membantu dalam menyediakan bilik gerakan di Pekan Tanjung Sepat memberi harapan besar kepada Pakatan Rakyat (PR) untuk mengambil alih kawasan DUN tersebut daripada BN.

Calon PR DUN Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan menjelaskan ia merupakan petanda betapa rakyat kini begitu inginkan perubahan dan se-

mangat kepartian semakin terhakis di dalam jiwa masyarakat Malaysia.

“Sebagai calon, saya gembira dengan respon diberikan sebagai tanda sokongan yang bertambah kepada PR.

“Sokongan juga jelas berubah di kalangan bukan Melayu, iaitu orang Cina dan India yang semakin yakin dengan PR selepas kejayaan mentadbir Selangor,” katanya.

Menurutnya, beberapa kawasan sebelum ini dilabel se-

bagai kawasan kuat pihak lawan juga mengalami perubahan dengan mula menyatakan sokongan kepada PR.

Tambahnya, dengan respon positif diberikan, PR boleh mencapai kejayaan di DUN Tanjung Sepat.

“Ia memberi harapan kepada kita untuk menawan DUN ini daripada BN dan perubahan ditunjukkan rakyat merupakan satu proses pendemokrasian yang membanggakan,” katanya.

Sokongan rakyat Sungai Besar kini lebih baik

SUNGAI BESAR - Sokongan rakyat Parlimen Sungai Besar terhadap Pakatan Rakyat (PR) kini makin baik berbanding pilihan raya lalu.

Menurut calon PAS Parlimen Sungai Besar, Mohamed Salleh M Husin, perkara ini dapat dilihat ketika hari penamaan calon dan juga siri kempen yang dianjurkan pihaknya.

Jelasnya, dasar pendidikan percuma yang ditawarkan dalam manifesto PR kepada rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) menjadi daya penarik rakyat dalam kempen kali ini.

“Selain itu, PR akan terus memperjuangkan penurunan harga kereta dan kos sara hidup demi memastikan kebajikan rakyat terjamin,” kata Salleh semasa Program Bertemu Pengundi di Pasar Pagi Pekan Sungai Besar di sini.

Beliau yang kini berumur 65 tahun merupakan mantan guru yang juga Naib Yang Dipertua PAS Sungai Besar akan berusaha untuk memperjuangkan hak pengiktirafan kepada penjawat awam di negara ini.

Tinjauan rambang hasil kunjungan bertemu pengundi di Pasar Pagi dan peniaga sekitar Pekan Sungai Besar mendapati sokongan positif diberikan kepada calon Pakatan Rakyat.

Rata-ratanya menunjukkan semangat ingin membuat perubahan politik dan peniaga berbangsa Cina melaungkan ‘Ini Kalilah’ sebagai simbol kepada sokongan calon PR.

Beliau akan menentang Calon BN dan juga Penyandang Parlimen Sungai Besar, Noriah Kasnon (BN) di mana Parlimen itu mempunyai 42,837 pengundi berdaftar.



Mohamed Salleh, bersalaman dengan anak muda di pasar pagi

Selangor Kini

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT: Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG:

Sheridan Mahavera Mohd Shakir

PENGARANG BERITA: Najib Hashim

PEN. PENGARANG BERITA: Mohd Ezli Mashut

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN:

Afif Redzuan: afifredzwan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkiyatt@gmail.com

JURU GAMBAR: Raheem Arifin,

Shuaib Ayob & Asri Sappie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites
No 1, Persiaran Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856
Emel: newsselangorkini@gmail.com

PELABUHAN KLANG - Penduduk di Taman Armada Putra boleh menarik nafas lega apabila Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berjanji akan menyelesaikan masalah penyelenggaraan dan kerosakan bangunan terlibat.

Perkara ini akan disegerakan sebaik Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor berjaya mengekalkan kerajaan selepas Pilihan Raya Umum (PRU) Ke13 nanti.

Antara masalah yang menghantui unit perumahan pangsapuri di situ termasuklah kerosakan di bahagian bumbung dan keadaan bangunan yang kelihatan usang.

Abdul Khalid yang juga calon PKR DUN Pelabuhan Klang berkata, beberapa kerosakan di bahagian bumbung sebelum ini berjaya diperbaiki dengan peruntukan Kerajaan Negeri sebelum ini.

“Sekarang kontraktor pang-

Abdul Khalid janji selesaikan masalah Taman Armada Putra

Sebab itulah kalau saya menang di sini saya akan perjuangkan agar rakyat Pelabuhan Klang perolehi sekurang-kurangnya dua peratus dari pendapatan yang diperolehi Lembaga Pelabuhan Klang untuk membaiki jalan dan membaiki prasarana lain

- ABDUL KHALID Menteri Besar

sapuri ini dah pun lari, jadi kita selesaikan secara berperingkat.

“Kita selesaikan, tetapi jangan tipu duit rakyat,” kata Abdul Khalid dalam satu lawatan di Armada Putra semalam.

Selain itu, jalan utama yang menghubungkan Armada Putra juga mengalami banyak kerosakan disebabkan menjadi laluan utama lori-lori kontena keluar dan masuk ke Pelabuhan Klang.

“Pelabuhan Klang buat duit lebih kurang RM2 bilion sebulan, bermakna setahun kira-kira RM24 bilion.

“Orang Pelabuhan Klang dan Armada Putra dapat apa? Lori nak langgar kita adalah.

“Sebab itulah kalau saya me-

nantang di sini saya akan perjuangkan agar rakyat Pelabuhan Klang perolehi sekurang-kurangnya dua peratus daripada pendapatan yang diperolehi Lembaga Pelabuhan Klang untuk membaiki jalan dan membaiki prasarana lain,” kata Abdul Khalid.

Sebelum itu, Abdul Khalid dengan diiringi isterinya, Puan Sri Salbiah Tunut sempat meluahkan masa bertemu dan beraamah mesra dengan kaum wanita Pangsapuri Armada Putra.

Dalam program tersebut pelbagai acara diadakan termasuklah pertandingan memasak dan demonstrasi menggayakan hijab dengan pelbagai fesyen.



Jambatan Kampung Delek yang sudah siap dibina.

Gambar kiri: Halimah menandatangani plak pada batu asas Jambatan Sungai Delek



Jambatan Sg Delek mudahkan urusan penduduk

Oleh NORHAYATI UMOR

KLANG - Penantian lebih 20 tahun penduduk sekitar Selat Klang khususnya Kampung Delek untuk mendapatkan sebuah jambatan berakhir apabila ia sudah siap sepenuhnya.

Jambatan yang diberi nama 'Mini Serambi Mekah' itu menelan kos sebanyak lebih RM3.4

juta yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Calon DUN Selat Klang, Dr Halimah Ali berkata jambatan berkenaan akan dapat menyelesaikan banyak masalah perhubungan penduduk.

Katanya, sebelum ini penduduk hanya menggunakan jambatan kunci air milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang hanya mampu memberi laluan kepada satu kenderaan sahaja dalam satu masa.

"Jadi, bila waktu puncak pagi dan petang, ia sangat sesak malah ia tidak boleh dilalui kenderaan berat. Dengan adanya jambatan ini, ia dapat mengurangkan kesesakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan jambatan baru itu, di sini.

Beliau berkata dengan adanya jambatan itu ia juga dapat memudahkan penduduk sekitar membawa jenazah daripada seberang sungai ke tanah

perkuburan di mana sebelum ini penduduk terpaksa melalui jalan yang jauh kerana tiada jambatan.

Sementara itu, Ketua Kampung Delek, Samsul Bahri berkata keprihatinan Kerajaan Negeri itu sangat dihargai penduduk kampung.

"Saya sebagai wakil penduduk sangat bersyukur dan berterima kasih kepada YB dan Kerajaan Negeri.

"Selain itu, ia dapat sekurangnya mengurangkan kadar kemalangan selain tidak lagi terpaksa mengikut jalan jauh lebih 10 kilometer jika untuk ke Pelabuhan Klang," katanya.

Projek yang dimulakan pada awal Januari lalu itu meliputi pembinaan jambatan dan jalan sepanjang 1.2 kilometer yang mempunyai laluan dua hala.

Jambatan itu dibina di atas Sungai Telok Gadung dan Jalan Sri Perantau Kampung Delek berjaya disiapkan dalam tempoh dua bulan. Ia meliputi penyediaan jalan raya baru.

GOMBAK - Suasana sayu menyelubungi calon PAS Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan ketika menziarahi sepasang suami isteri yang hidup dalam kesusahan tanpa bantuan sewajarnya.

Bekas pemandu lori Shahidan Ismail, 56, dan isteri Raha Ayub, 55, masing-masing mengidap sakit rabun dan angin ahmar tanpa perhatian serius agensi kerajaan berwajib.

Lebih menyedihkan, keluarga ini hanya menerima bantuan sebanyak RM200 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk pihak isteri sahaja.

"Saya minta bantuan pada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat Zakat tiada lagi (bantuan).

"Kos ubat beratus sebulan. Kalau keadaan mata saya kembali pulih, saya boleh kerja semula," kata Shahidan sayu namun masih lagi mampu melayan tetamu dengan ceria.

Dalam kunjungan ke rumah lain, Hasbullah meluangkan masa melawat adik Muhammad Iqmal Daniel Muhamad yang mengidap penyakit Mikrokefli di mana otak sebelah kanan kecil hingga mengaki-



Hasbullah melihat adik Iqmal yang mengalami masalah kesihatan sejak berusia 2 tahun

Calon PAS Gombak Setia santuni penduduk uzur

batkan otak kiri lemah.

Menurut ibu Iqmal, Nor-mazida Samsuddin, ketika dilahirkan kepala Iqmal kecil selain menghadapi demam panas pada usia dua tahun.

Adik Iqmal kini berusia 11 tahun dan turut dihantar ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Taman Sri Gombak.

Menurutnya, beliau dan suami, Muhamad Omar menyediakan RM200 setiap bu-

lan untuk perbelanjaan lampin pakai buang selain mendapat elaun persekolahan sebanyak RM150.

Sementara itu, Hasbullah menegaskan, prosedur mendapatkan bantuan sedia ada perlu dianjak ke arah perubahan tabungan kebajikan kepada rakyat.

"Kita harus permudahkan jika masalah itu perlu diutamakan," ujarnya lagi.

dari muka 8

Kerajaan Selangor prihatin

"Kalau tiada subsidi ini, mana mungkin saya tak dapat menanggung cucu yang masih bersekolah kerana saya sendiri sudah tidak mampu bekerja atas faktor usia dan kesihatan yang tidak mengizinkan," ujarnya.

Ketua Komuniti Penduduk Ladang Rinching, Puvannandran Munusamy berkata, lebih 200 keluarga miskin di kawasan ladang dan bandar di Semenyih telah mendapat manfaat daripada program itu.

"Ramai penduduk di estet mempunyai pendapatan rendah dan tidak mampu menang-

gung kos persekolahan anak-anak mereka. Ada yang perlu membayar RM50 sebulan untuk khidmat bas sekolah.

"Kalau seorang sahaja anak sudah menjangkau nilai itu, bagaimana buat keluarga yang mempunyai ramai anak dan tinggal jauh dari kawasan sekolah?"

"Rakyat perlu buka mata bawha inilah kerajaan yang kita idam-idamkan, iaitu sebuah kerajaan prihatin dan bertanggungjawab untuk membela nasib rakyat," kata Puvannandran.

PAKATAN HARAPAN RAKYAT



Subsidi tambang bas sekolah

Penuhi harapan keluarga miskin

Oleh AFEEQA AFEERA

SEMENYIH - Berbekalkan gaji kurang RM1,000 sebulan sebagai operator sambilan, bukanlah mudah buat Suparma Muniandy yang saban hari terpaksa bersendirian membanting tulang bagi menyara dua orang anaknya yang masih bersekolah.

Ini kerana, suaminya yang sudah beberapa tahun menderita sakit jantung tidak lagi mampu bekerja untuk memberi nafkah buat keluarga mereka.

Berdepan kos sara hidup yang semakin tinggi, Suparma, 47, merasakan tanggungjawabnya semakin berat dan tekadnya untuk memberi pendidikan terbaik kepada dua orang cahaya matanya terasa sukar.

Namun, pemberian subsidi tambang bas sekolah RM300 bagi setiap keluarga oleh Kerajaan Selangor sejak tiga tahun lalu memberi harapan baru kepada keluarga Suparma.

Bantuan yang merupakan salah satu program di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) itu membolehkan mereka menampung tambang bas sekolah untuk seorang anak selama 10 bulan.

Suparma menganggap bantuan itu adalah satu pemberian yang tidak ternilai, lebih-lebih lagi buat golongan berpendapatan rendah seperti dirinya.

"Bantuan ini banyak meringankan beban saya untuk menampung perbelanjaan sekolah anak-anak ditambah dengan kos sara hidup yang semakin tinggi.

"Walapun baru satu penggal memerintah Selangor, tetapi pelbagai manfaat dapat dirasakan oleh rakyat," kata Suparma apabila ditemui di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Rincing di sini.

Beliau antara 200 keluarga yang tinggal di sekitar kawasan Ladang Rincing yang telah mendapat subsidi tambang bas sekolah sejak ia dimulakan tiga tahun lalu.



Murugasu Muniandy (bertopi), gembira bersama murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Rincing, sewaktu mengambil cucunya pulang dari sekolah

Walapun baru satu penggal memerintah Selangor, tetapi pelbagai manfaat dapat dirasakan oleh rakyat

SUPARMA



Bagaikan senada, Murugasu Muniandy, 67, tidak putus-putus mengungkapkan ucapan 'terima kasih Menteri Besar dan Kerajaan Selangor' ketika ditanya mengenai bantuan subsidi itu.

Katanya, tanpa bantuan itu, cucunya, Kavivarmaan Kalairasan, 7, tidak mungkin boleh bersekolah seperti kanak-kanak kerana jarak rumah mereka di Ladang Rincing yang jauh dari sekolah.

"Bantuan ini sangat diperlukan untuk menampung yuran van sekolah yang mencecah hampir RM 30 sebulan.

Lihat muka 15

Untuk
informasi &
Berita terkini
Layari
www.selangorku.com
mediaselangorku